



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# SIARAN MEDIA

## **120,000 PENDUDUK NEGERI SEMBILAN DAPAT MAFAAT DARIPADA PELAKSANAAN KERJA-KERJA KECEMASAN LUAR JANGKA BAGI TEBATAN BANJIR**

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke Kerja-Kerja Memulihkan Saliran di Taman Delima dan Taman Anggerik, Mukim Rantau Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan.

Projek ini melibatkan skop kerja memulihkan tebing Sungai Simin sepanjang 55 meter dan pembaikan longkang outlet dengan kos projek sebanyak RM730,600.00 menggunakan Peruntukan Pembangunan Persekutuan.

Kerja tersebut telah bermula pada 3 Ogos 2023 dan dijangka siap sepenuhnya pada 21 Disember 2023. Projek ini dijangka dapat memberi manfaat perlindungan daripada risiko kejadian banjir kepada 550 orang penduduk di Taman Delima dan Taman Anggerik, Mukim Rantau, Negeri Sembilan.

Secara keseluruhan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan telah diperuntukkan sejumlah RM5 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerja-kerja kecemasan. Sebanyak 101 kerja-kerja kecemasan di luar jangka yang melibatkan pelbagai daerah akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan tersebut.

42 kerja telah siap dilaksanakan, manakala 22 dalam pembinaan dan 37 lagi dalam proses perolehan. Dijangkakan seramai 120,000 penduduk seluruh Negeri Sembilan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan kerja-kerja kecemasan luar jangka ini.

NRECC melalui JPS akan terus komited dalam memastikan masalah banjir di negeri ini dapat ditangani dan bersiapsiaga bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan keselamatan harta benda dapat dilindungi daripada bencana banjir.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM  
(NRECC)**

**18 OKTOBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia